

ABSTRAK

Semua universiti di dunia ini mempunyai matlamat untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berpengetahuan, berskil dan mempunyai sedikit pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan. Justeru, kebanyakan kursus yang direka berkolaborasi dan konsultasi dengan perniagaan. Kursus praktikum yang ditawarkan dalam program pengajian undang-undang adalah sangat penting bagi menghasilkan kualiti pembelajaran yang bermutu tinggi. Di Universiti Utara Malaysia, semua program akademik digubal dengan memasukkan latihan industri atau praktikum sebagai salah satu kursus wajib. Tujuan utama adalah untuk pelajar berpeluang memperolehi pengalaman atau suasana bekerja dan mempraktik ilmu yang mereka perolehi sepanjang pengajian di universiti. Objektif kajian ini ialah (1) mengenal pasti kesesuaian penempatan praktikum bagi pelajar-pelajar LL.B yang menjalani praktikum, (2) menyemak semula kandungan kursus praktikum, (3) mengkaji pandangan majikan terhadap tahap kemahiran asas pelajar LL.B yang menjalani praktikum, (4) mengkaji pandangan majikan tahap skil dan amalan professional pelajar LL.B yang menjalani praktikum dan (5) merangka dan mencadangkan struktur yang lebih mantap dan memenuhi keperluan pasaran. Kajian ini dijalankan di kalangan pengamal undang-undang yang berpengalaman menjadi penilai prestasi (dalam kapasiti mereka sebagai majikan) pelajar-pelajar undang-undang yang menjalani praktikum di mahkamah, firma guaman dan lain-lain penempatan. Sampel kajian adalah sebanyak 17 buah mahkamah tinggi di setiap negeri di Malaysia, sebanyak 21 buah firma guaman, 12 buah jabatan dan sebuah syarikat korporat. Jumlah responden adalah sebanyak 51. Soal selidik diserahkan kepada penilai prestasi pelajar praktikum (majikan) berkenaan. Namun begitu, penyelidik hanya menerima semula soal selidik daripada responden sebanyak 12 dari mahkamah yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret dan Timbalan Pendaftar Kanan, 19 dari firma guaman yang terdiri daripada peguambela dan peguamcara, seterusnya 9 dari Jabatan Bantuan Guaman yang terdiri daripada pegawai undang-undang, 1 dari Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri dan 2 dari Jabatan Peguam Negara. Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklumbalas adalah 43 orang iaitu 84.31%. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi oleh responden, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa objektif kursus dan hasil pembelajaran kursus adalah baik dan bersesuaian dengan silibus kursus program Praktikum I dan Praktikum II. Penempatan kursus praktikum juga adalah sesuai dan dipersetujui oleh responden kajian ini. Pelajar-pelajar LL.B, UUM juga mempunyai kemahiran asas yang baik, skil dan amalan profesion serta kemampuan membuat hujahan dan baik dalam penulisan undang-undang serta kebolehan menganalisa secara logik. Selanjutnya, responden juga bersetuju bahawa pelajar-pelajar juga mempunyai kemahiran kepimpinan dan berdisiplin.